

**Perdana Menteri Diminta Campur Tangan Pertikaian Antara TWU Dan SKMK
Bernama
04 Julai, 2012**

PETALING JAYA, 4 Julai (Bernama) -- Kesatuan Pekerja-pekerja Pengangkutan Semenanjung Malaysia (TWU) meminta Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak campur tangan dalam menyelesaikan pertikaian antara TWU dan Syarikat Kenderaan Melayu Kelantan Bhd (SKMK).

Setiausaha Agung TWU Tan Sri Zainal Rampak berkata beliau telah menghantar surat kepada Perdana Menteri pada 2 Julai dan menjelaskan mengenai pertikaian yang membabitkan sistem tiket 'fast-pass' dan pengambilan pemandu dari sebuah syarikat perunding, Richgroup Intelligence Advisors Sdn Bhd.

Beliau berkata tindakan itu diambil selepas TWU melihat tiada pilihan lain yang boleh diambil dalam menyelesaikan masalah itu setelah merujuk perkara berkenaan kepada Menteri Sumber Manusia Datuk Seri Dr S.Subramaniam dan Mahkamah Perusahaan sebelum ini.

Bercakap pada sidang akhbar di sini, Zainal berkata sistem 'fast-pass' adalah penjualan tiket kepada kontraktor, sedangkan perkara itu sebelum ini dilakukan oleh pemandu bas tanpa melalui orang tengah dan pemandu mendapat komisen daripada penjualan tiket itu.

Tiket 'fast pass' merupakan tiket pra-bayar yang perlu dibeli oleh penumpang sebelum menaiki bas di bawah kendalian SKMK, katanya yang enggan mendedahkan nama kontraktor yang terbabit dalam sistem 'fast pass'.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=678019>